



The
Epitome
/i'pitəmi/

Academy of Language Studies, UiTM Kedah Branch

2024

Volume 1
Issue 3



COPYRIGHT PAGE

Copyright© 2023 by Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission from the Rector, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia.

The views, opinions, and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

eISSN 3009 – 0075

Published by:
UiTM Cawangan Kedah,
Pn. Razanawati Nordin, Chief Editor,
UiTM Cawangan Kedah, Kampus Sg. Petani, 08400 Merbok, Kedah
Email address: razanawati@uitm.edu.my
Contact No: 044562421

Copy Editor: Ms. Rafidah Binti Amat & Ms. Nor Asni Syahriza Abu Hassan
Graphic Designer: Mr. Mohd Hamidi Adha Mohd Amin



APB KEDAH : THE EPITOME

editorial board

Advisor



Mr. Azlan Abdul Rahman

Chief Editors



Dr. Nur Syazwanie Mansor



Puan Razanawati Nordin

Managing Editors & Promotion



Puan Sharifah Syakila Syed Shahrudin

Editors & Content Reviewers



Puan Hajah Sharina Saad



Puan Phaveena Primsuwan



Puan Samsiah Bidin



Dr. Berlian Nur Morat



Puan Syazliyati Ibrahim



Ustaz Mohd Zulkhairi Abd Hamid



Puan Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



Cik Lee Chai Cuen



Mr. Mohd Hamidi Adha Mohd Amin

Secretaries




Puan Nor Asni Syahriza Abu Hasan



Puan Mas Aida Abd Rahim

Technical



Puan Rafidah Amat




Puan Khairul Wanis Ahmad

Graphic Designer



Mr. Mohd Hamidi Adha Mohd Amin

Copy Editor



Puan Rafidah Amat



Puan Nor Asni Syahriza Abu Hasan



Miss Nurfarisyah Hafiz

Assistant Copy Editor



synopsis

The Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah is thrilled to announce the release of the third edition of its e-magazine, The Epitome. This publication exemplifies our steady dedication to fostering creativity in language and literature.

The primary objective of THE EPITOME is to offer a platform where writers, educators, scholars, poets, and researchers can come together to exchange their ideas, discoveries, expertise, and narratives. Our special focus revolves around an array of creative writing genres, encompassing Playwriting, Short stories, Songs, Speeches, Memoirs, Literary Journalism, Humour writing, Lyric essays, Innovative essays, and Personal essays, with a goal to embrace diverse linguistic expressions, with content available in four languages: English, Bahasa Melayu, Mandarin, and Arabic.





table of **contents:**

Island Echoes: A Memoir of Bandung's Enchanting Beauty, And the Rest of Indonesia	17
by Fahmi Samsudin, Mohamad Firdaus Azman & Mohd Zaidi Sulaiman	
Journey of a Dreamer	19
by Dr Azura Binti Abdul Rahman	
Kembara Hajah Yom Ke Tanah Suci	21
by Ibtisam Abdul Wahab	
Kisah Di Suatu Petang Saat Hujan Membasahi Bumi	24
by Noorliza Zainol, Abdul Rahman Ahmad Rozali, Norrina Din & Mohamad Azli Razali	
Language & Wordscapes: The Behavioural Dynamics	26
by Jean Hoo Fang Jing & Raihan Ibrahim	
Life of a Solo Traveler	28
by Zaity Akhtar Binti Mukhtar	
Makan Bantal Atau Cukur Bantal?	29
by Hema Zulaika Hashim (Phd)	
Malaysia's Merida	31
by Sara Tasnim Binti Samsudin & Assoc. Prof. Dr Maheran Binti Katan	
Memori Pulau Kenangan	32
by G Sharina Shahrudin	



Preface



Mr. Azlan Abdul Rahman

Head of Faculty
Academy of Language Studies
UiTM Kedah Branch

Welcome to Epitome, the 3rd Issue – a collection of thoughts, reflections, and stories that encapsulate the essence of an academic's journey. As the pages unfold, you will embark on a thoughtful exploration of the human experience, woven through the threads of joy, sorrow, and everything in between.

In designing this compilation, our intention is to offer readers a mirror to their own experiences, inviting moments of reflection and connection. Epitome is not just a creative publication; it is an invitation to pause, reflect, and find quality in the shared tapestry of our existence.

Through these pages, the reader may encounter familiar landscapes of the heart and perhaps discover a transformed perspective on the beauty and complexity of academic life. Each piece within Epitome is a humble contribution to the ongoing dialogue of what it means to be human.

I extend our heartfelt gratitude to all those who have been a part of this journey – especially to all the contributors and the esteemed Epitome Editorial Team. Your involvement and presence surely added depth and meaning to this publication.

May Epitome serve as a companion, provoking thought and sparking moments of connection and collaboration.

Thank you for embarking on this literary voyage with us.

Editor-In-Chief



Creativity is intelligence having fun

Dear Epitome Community,

We are back for the third issue and enthusiastic to share with all of you the collection of creative writings crafted by dedicated and imaginative writers. In this third issue, we present a variety of articles ranging from playwriting to lyric essays, each offering a unique tone and style of writing. Thanks to all the creative and talented writers, we hope these pieces can inspire you in various ways.

We would like to extend our congratulations to all the inspiring writers for their valuable contributions and unwavering support. Many of these names are familiar to us, as some have been submitting their work since our first volume. Additionally, we would like to express our gratitude to the dedicated committee and reviewers for their time and expertise.

Thank you for being a part of our Epitome community.

Till the next volume,

Dr. Nur Syazwanie Mansor
Editor-in-Chief,
The Epitome

Kembara Hajah Yom Ke Tanah Suci


Ibtisam Abdul Wahab

Fakulti Farmasi, UiTM Kampus Puncak Alam, Selangor
ibtisam@uitm.edu.my

Hajah Yom menopang dagu. Ada kala Hajah Yom menitikkan air mata kesyukuran. Dia menjiwai watak sendiri sebagai wanita Muslim dari Tanah Melayu yang jauh mengembara ke benua Arab, membawa bersamanya niat yang suci untuk menunaikan rukun Islam kelima, iaitu ibadah haji beserta umrah, pada musim haji tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi.

Yom telah pun memulakan persiapan haji sebelum musim pandemik COVID-19 lagi. Kursus atas talian serta bersemuka dihadiri Yom bersama teman persekolahannya, Hajah Ola. Beberapa buah buku rujukan juga dibeli dan nota format pdf dimuat turun dari laman sesawang Lembaga Tabung Haji Malaysia. Yom mengulangkaji surah-surah dalam al-Quran serta mendalami kaedah menyempurnakan solat berjemaah, solat sunat, solat jenazah, bacaan doa, serta zikir. Yom akur dengan nasihat doktor perubatan dan pakar pemakanan agar menjaga kesihatan, melakukan senaman serta mengawal berat badan, bacaan tekanan dan paras kandungan gula dalam darah.

Pelbagai persoalan bermain di fikiran Yom. Usai ibadah melontar, Yom mula menyusun pasca nilai atau post-mortem kembara haji di dalam benak Yom. Seingat Yom sewaktu keberangkatan ke tanah suci dari Kuala Lumpur International Airport (KLIA), Yom sepatutnya bersedia dengan wuduk di dalam kapal terbang, untuk menunaikan solat Subuh pertama kalinya di Arab Saudi. Ini kerana bas telah pun menunggu para jemaah untuk dibawa masuk ke kota Mekah, setibanya rombongan haji di Jeddah, juga dikenali sebagai Lapangan Terbang Antarabangsa Raja Abdulaziz. Di dalam bas ini, ahli rombongan memulakan laungan bertalbiah. Yom juga dapat meneguk air zam zam yang ditawarkan oleh syarikat agensi pelancongan haji tempatan.



Yom merakam foto yang menunjukkan lautan manusia berkain ihram putih yang mengelilingi Kaabah, selepas Yom selesai menunaikan tawaf haji.

Yom juga dapat meneguk air zam zam yang ditawarkan oleh syarikat agensi pelancongan haji tempatan. Yom sedikit teruja kerana turut menyaksikan beberapa ekor unta dari tingkap bas di dalam perjalanan menuju ke Mekah. Setibanya Yom di hotel Mekah, hati Yom berasa gembira bukan kepalang kerana kedudukan hotel penginapan Yom hanya berjarak lima ratus meter dari Masjidil Haram. Yom menitis air mata dan jiwa Yom merasa syahdu bila pertama kali memandang Kaabah semasa menunaikan umrah buat julung kali dalam hayat Yom. Yom terharu kerana dua orang rakan sebilik Yom, si kembar tak seiras Aira dan Aina, mengapit di kiri dan kanan Yom sepanjang tawaf, iaitu berjalan sebanyak tujuh pusingan mengelilingi Baitullah. Mereka begitu baik menjaga Yom yang terkebil-kebil, dan sekali sekala pandangan Yom berkaca-kaca menatap Kaabah, sambil bibir sentiasa terkumat kamit membaca doa dan berselawat kepada Junjungan Nabi Muhammad ﷺ.

Yom memang rajin mengirim teks berita, imej dan foto kepada ahli keluarga di tanahair sepanjang aktiviti masyair, yakni pergerakan secara besar-besaran jemaah haji dari Mekah ke Arafah untuk berwukuf, seterusnya ke Muzdalifah dan ke Mina untuk ibadah melontar. Inilah kemuncak kepada ibadah haji, serta hari yang dinanti-nantikan oleh semua bakal haji, bagi melaksanakan rukun dan wajib haji.

Tanggal 8 haribulan Zulhijjah, bersamaan dengan 26 haribulan Jun 2023, Yom dan semua penghuni di hotel Mekah telah menaiki bas untuk ke Arafah. Semasa Yom berada di dalam khemah di padang Arafah, jemaah dinasihatkan agar berehat dan mendapatkan tempoh tidur yang secukupnya, supaya tidak penat dan tidak mengantuk pada waktu zohor semasa bacaan khutbah dan doa Arafah diperdengarkan tatkala wukuf pada 9 haribulan Zulhijjah. Yom memanjatkan doa, menadah tangan kesyukuran serta memohon agar diberi keampunan serta dikurniakan haji mabrur. Yom turut melaksanakan ibadah korban seekor qibas, iaitu sejenis spesies kambing biri-biri. Sebuah kerusi lipat juga diwakafkan untuk kegunaan jemaah yang lebih lanjut usianya serta perlu bersolat dengan posisi duduk. Kitab suci Al-Quran dibawa dan bacaan Yom diperdengarkan serta disemak bersama Ola. Botol semburan air untuk wuduk juga tersedia, ia boleh diguna tatkala tandas terlalu ramai yang memerlukannya. Lampin pakai buang juga dibawa kerana Yom bimbang tidak sempat untuk masuk ke bilik air semasa barisan jemaah yang menunggu masih panjang. Tilam angin berlipat tidak dapat dipam dan dibentang kerana Yom khuatir ruang dalam khemah Mina yang terhad boleh mengganggu keselesaan jemaah wanita yang lain. Bank kuasa serta telefon bimbit Yom juga selalu diperiksa agar baterinya boleh tahan lama untuk kegunaan Yom berkomunikasi dan mendapat maklumat semasa dan terkini dari pihak Lembaga Tabung Haji Malaysia.

Yom tidak lupa untuk membawa benang flos serta pencungkil gigi plastik. Maklumlah gigi Yom sudah mula jarang dan senang pula daging melekat dicelah-celah gigi dan gusi Yom. Cebisan makanan yang terlekat boleh mengurangkan rasa khusyuk Yom semasa menunaikan sembahyang fardu. Menu makanan Arab memang banyak melibatkan masakan daging ayam, kambing serta ikan, bersama nasi, telur dan sos cili paket kecil yang tidak begitu pedas. Ada kalanya Yom memuji kesedapan serunding daging lembu dan bekal sambal ikan bilis segera yang dibawa oleh Aira dan Aina. Yom pernah juga mengamalkan penggunaan kayu sugi atau miswak, sebagaimana yang Yom lihat di kalangan pemuda Arab di perjalanan.

Sementara Yom di Muzdalifah, tikar hijau kecil dibentang sementara menunggu giliran menaiki bas untuk berada di Mina pada 10 haribulan Zulhijjah. Ketulan batu kecil di dalam uncang plastik untuk ibadah melontar telah pun disediakan oleh pihak Lembaga Tabung Haji Malaysia sebelum semua jemaah berangkat keluar dari hotel di Mekah. Ini memudahkan Yom serta para jemaah lain.

Yom bersyukur dan bernasib baik kerana membawa bersama peralatan yang berguna dan sangat berfungsi seperti pelitup muka untuk pemakai hijab, semburan cecair pembasmi kuman beralkohol, tisu lembap, topi serta cermin mata hitam pelindung Yom dari sinar terik matahari di Mina. Tambahan pula ada slot masa Yom untuk melaksanakan ibadah melontar pada siang hari. Uncang kecil tambahan dibawa bersama, kiriman teman Yom, Puan Bibi di Kuala Lumpur. Uncang kain merah itu diisi dengan kiraan 70 biji batu untuk ibadah melontar di Jamratul Kubra pada 10 haribulan Zulhijjah, dikuti dengan melontar selama tiga hari, iaitu 11, 12 and 13 haribulan Zulhijjah, iaitu Hari Tasyrik, di tiga Jamrah, iaitu Sughra, Wusta dan Kubra. Beg merah sandang yang kecil juga diguna, ia hadiah dari Hajah Ola yang turut berjalan seiringan dan melontar di jamrah bersama-sama Yom. Kasut kanvas tanpa tali dipilih agar mudah dan cepat Yom menarungnya di kaki. Hajah Ola juga mencadangkan agar beberapa ketulan ais dimasukkan ke dalam tuala kecil dan diguna untuk menyapu dan menyejukkan anggota badan bila suhu harian mula mencecah lebih 40° Selsius. Tambahan pula, ada ketika pendingin hawa dalam khemah Yom mengalami kerosakan dan di dalam penyelenggaraan pihak berwajib. Gunting kecil pula dibawa untuk Yom menggunting beberapa helaian rambut, setelah selesai ibadah melontar dan juga umrah. Setelah tamat menunaikan solat subuh pada 13 haribulan Zulhijjah, Hajah Yom serta semua ahli rombongan haji menaiki bas untuk masuk semula ke kota Mekah bagi menunaikan tawaf dan saie haji. Selain itu, ubat-ubatan dan krim sapuan juga dibawa dan disimpan dalam beg berzip khas yang kecil, untuk merawat demam, batuk dan kulit kering yang Yom alami.



Yom merakam foto yang menunjukkan lautan manusia berkain ihram putih yang mengelilingi Kaabah, selepas Yom selesai menunaikan tawaf haji.



Yom merakam foto pintu Masjidil Haram yang dikenali sebagai Pagar atau Pintu Raja Abdul Aziz, di mana Kaabah boleh dilihat terus dari pintu masuk utama ini.

Yom ada juga merasa terkilang dan sedikit ralat kerana tidak membawa sepasang pun baju kurung dan kebaya labuh untuk memori berhari raya haji dan sesi bergambar di Mina. Tudung mini untuk Yom pakai di dalam khemah juga tertinggal di dalam almari rumah. Yom memang perlu berhati-hati dengan pemakaian serkup kepala dan telekung kerana anak rambut Yom boleh terkeluar tanpa Yom sedari. Ola selalu berpesan agar Yom melihat wajah di cermin kecil, supaya aurat Yom tertutup dengan sempurna dan Yom yakin dengan ibadah solat Yom. Sebelum ini, Yom tidak pernah menunaikan ibadah umrah serta haji, inilah pertama kali Yom menjejaskan kaki di Mekah. Bagasi Yom penuh dengan telekung, tudung serta jubah yang dihadiahkan oleh sanak saudara serta majikan Yom yang gembira dengan berita kelulusan permohonan rayuan Yom kepada pihak Lembaga Tabung Haji untuk mengerjakan haji pada tahun penggiliran Yom. Yom sempat menangkap foto untuk merakam kenangan semasa menaiki kereta sewa elektrik ketika menunaikan tawaf dan saie. Hati Yom begitu hiba semasa menjalani tawaf wada dan keluar dari kota Mekah dengan menaiki bas selama tujuh jam, untuk menuju ke kota Madinah pula.

Ada juga rakan Yom yang memilih untuk menggunakan khidmat keretapi selaju tiga ratus kilometer sejam, dari bandar Mekah. Perjalanan sebegini hanya mengambil masa tiga jam sahaja. Sebelum berangkat pulang dari Tanah Arab, Yom berpeluang menggunakan khidmat pos yang ditawarkan oleh Pos Malaysia Berhad untuk mengirimi kotak seberat dua puluh kilogram, yang mengandungi sejadah, kopiah, jubah, tasbih, minyak wangi serta naskhah al-Quran, yang Yom belikan di Mekah dan Madinah, untuk ahli keluarga dan sahabat handai. Helaian sejadah juga ada pelbagai jenis; ada yang kecil dan ada yang benang tenunannya setebal empat hingga lapan milimeter. Beberapa jenis herba seperti za'faran atau safron serta buah pelaga atau cardamom turut diminati Yom dan dibawa balik bersama kacang cerdas atau pistachio, buah kurma, aprikot dan buah tin. Yom juga teruja dengan rasa roti buku yang disertakan dengan herba za'atar.



Sejadah tenunan tempatan di Mekah juga boleh dibeli di pasaraya sebagai cenderahati.

Naskah Al Qur'an besar dan kecil, sebagai hadiah dari Kerajaan Arab Saudi kepada para jemaah sebelum berangkat pulang ke tanah air masing-masing. Ia juga boleh dimuat turun secara percuma sebagai aplikasi telefon bimbit.



Ketulan batu kecil di dalam uncang plastik untuk ibadah melontar disediakan oleh pihak Lembaga Tabung Haji Malaysia dan diedarkan sebelum jemaah berangkat keluar dari hotel di Mekah



Yom merakam foto dan menyaksikan Menara Jam Mekah yang tersergam indah semasa Yom berada di tingkat atas Masjidil Haram.

Sesungguhnya, kembara ini menyentuh jiwa dan nurani Yom. Yom berdoa agar perjalanan pergi dan pulang Yom ini dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala. Yom berharap agar dapat bersua kembali dengan Hajjah Ola, dua beradik kembar Hajjah Aira dan Hajjah Aina, serta para jemaah haji dan hajjah yang Yom kenali di dalam program himpunan persaudaraan para hujjaj yang dianjurkan bersama dengan pihak Lembaga Tabung Haji Malaysia. Semoga pengalaman Yom dapat dikongsi bersama pembaca sekalian.

Sekian. Terima kasih.

The End.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

The
Epitome
/i'pitəmi/

eISSN 3009-0075



91773009007004